

Sektor maritim bergerak lebih dinamik

Oleh MOHD HAMZATUL AKMAR MD. ZAKARIA

KUALA LINGGI 27 Jun - Sektor maritim negara akan menjadi lebih dinamik jika pelbagai pihak berkaitan mengadakan kerjasama strategik bagi memajukan sekitar kawasan tersebut.

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Seri Saripuddin Kasim berkata, semua pihak wajar melihat sektor maritim sebagai peluang keemasan berikutan ia merupakan sektor yang mendapat permintaan tinggi di peringkat global.

Katanya, pihak Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Institut Maritim Malaysia (MIMA) telah mengadakan beberapa siri bengkel bersama wakil industri dalam penyediaan draf *Malaysian Shipping Master Plan (MS-PM)*.

"Pelan induk ini diharap dapat memberi nafas baharu dalam rancangan pemulihan, perancangan strategi dan menyusun pelan jangka pendek, sederhana serta panjang industri perkapalan.

"Sehubungan itu, pihak kerajaan percaya sektor maritim akan menjadi lebih dinamik setanding negara maju lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Perasmian Sambutan Hari Pelaut Peringkat Kebangsaan 2016 di Akademi Laut Malaysia (ALAM) di sini, Sabtu lepas.

Hadir sama, Ketua Pengarah Laut Jabatan Laut Malaysia, Datuk Baharin Abdul Hamid; Pengerusi Persatuan Pemilik-Pemilik Kapal Malaysia (MASA), Datuk Ir. Nordin Mat Yusoff; Presiden Ikhtisas Kelautan Malaysia (IKMAL), Datuk Jamil Murshid serta Ketua Pegawai Eksekutif ALAM, David Fedrick.

Sementara itu, beliau menjelaskan, kerjaya pelaut merupakan antara yang menjadi pilihan para belia negara ini yang menyaksikan lebih kurang 8,000 pelaut tempatan berdaftar pada setiap tahun.

Jelasnya, ALAM pula dilihat sebagai institusi pilihan tepat dalam melahirkan generasi pelaut berpendidikan tinggi selain mengangkat nama negara sebagai pengeluar tenaga pelaut bertaraf antarabangsa.



SARIPUDDIN meninjau sekitar tapak pameran berkaitan barangan perkapalan selepas majlis perasmian tersebut.



SARIPUDDIN ketika membunyikan loceng sebagai simbolik perasmian Sambutan Hari Pelaut Peringkat Kebangsaan 2016 di Akademi Laut Malaysia (ALAM), Sabtu lepas.



SARIPUDDIN menyampalkan sijil biasiswa kepada salah seorang penerima biasiswa ALAM.